

Pengguna dan Cabaran Ekonomi yang Lesu

NEGARA giat untuk meningkatkan pembangunan ekonomi serta sosial bagi manfaat dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya. Usaha berterusan dilakukan oleh kerajaan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi, termasuklah langkah mentransformasikan Malaysia daripada status negara membangun kepada negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Negara mempunyai tempoh yang singkat dan kritikal untuk merealisasikan sasaran tersebut. Hal ini ditambah pula dengan keadaan ekonomi domestik yang lesu yang turut dipengaruhi oleh ketidakstabilan ekonomi global.

Sebagai sebuah negara dengan amalan ekonomi terbuka, Malaysia tidak dapat mengelak daripada mendapat impak langsung ekoran ketidaktentuan ekonomi antarabangsa.

Usaha untuk menangani kos sara hidup secara komprehensif merupakan tindakan yang sukar dicapai kerana keadaan ekonomi yang tidak menentu.

Sekarang kita menyaksikan ketidakstabilan pasaran kewangan dunia yang memberikan kesan kepada nilai mata wang Ringgit serta harga minyak mentah yang menurun dan masih tidak stabil sehingga menjejaskan pendapatan negara.

Inilah kekangan dan cabaran yang perlu dipecahkan Malaysia, pada ketika kita sedang giat berusaha untuk menyertai zon negara maju.

Selain Malaysia, negara lain yang kaya dengan sumber asli itu turut berhadapan dengan situasi yang sama. Oleh hal yang demikian, rakyat Malaysia sebagai pengguna yang prihatin dan peka dengan kemelut yang melanda negara kini harus sama-sama berganding bahu untuk menghadapi cabaran ini, sekali gus menyokong usaha kerajaan untuk bangkit dan mengharungi situasi yang sukar ini. Tidak dapat dinafikan bahawa rakyat Malaysia juga perlu mengharungi pelbagai cabaran, seperti kenaikan kos sara hidup, terutamanya dalam kalangan isi rumah berpendapatan 40 peratus terbawah. Hal ini tidak dapat dielakkan, apatah

lagi apabila sumber hasil negara mengalami penurunan yang ketara disebabkan oleh kejatuhan harga minyak mentah global, selain faktor akaun semasa imbangan pembayaran yang mengecil.

Sementara itu, antara kesan langsung yang memberikan cabaran kepada rakyat ialah peningkatan harga barangan dan perkhidmatan secara mendadak. Jika keadaan ini berlaku, yang menjadi mangsanya ialah rakyat berpendapatan rendah dan berpendapatan sederhana kerana mereka sudah tentu sukar untuk berhadapan dengan situasi begini kerana kuasa beli yang terhad. Dalam hal ini, usaha untuk menangani kos sara hidup secara komprehensif merupakan tindakan yang sukar dicapai kerana keadaan ekonomi yang tidak menentu. Namun demikian, mahu tidak mahu situasi itu perlu dikawal supaya kesan yang menimpa rakyat negara ini dapat diminimumkan.

Oleh itu, peningkatan kos sara hidup perlu dilihat bukan sekadar isu yang berkaitan dengan kenaikan harga barang dan perkhidmatan

semata-mata, sebaliknya harus mengambil kira persoalan sosial yang meliputi aspek keluarga dan masyarakat. Pada hakikatnya, kesukaran untuk memastikan pendapatan yang diperoleh mencukupi, tidak hanya menyebabkan pengguna tidak dapat menikmati barangan dan perkhidmatan yang diinginkan, bahkan hal ini memberikan kesan langsung kepada institusi kekeluargaan dan isi rumah.

Oleh itu, kerajaan mengambil langkah bagi memperkenalkan usaha untuk meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terbawah. Kerajaan memberikan jaminan untuk sentiasa memantau perkembangan ekonomi dan meminimumkan kesan daripada ketidaktentuan ekonomi global terhadap ekonomi domestik. Negara juga terus komited bagi melaksanakan konsolidasi fiskal untuk mencapai sasaran defisit fiskal yang lebih rendah sebanyak 3.2 peratus kepada Keluaran dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun ini, berbanding dengan 3.4 peratus yang dicatatkan pada tahun lalu, di samping melaksanakan langkah proaktif yang lebih signifikan.

Dalam hal ini, masih ada lagi dalam kalangan rakyat Malaysia yang tidak peka akan rancangan ekonomi yang digariskan oleh kerajaan sebagai usaha mencapai status negara maju dan

berpendapatan tinggi. Oleh itu, walaupun program ekonomi yang diperkenalkan oleh kerajaan sering kali diuar-uarkan, perkara ini masih sukar untuk dicapai memandangkan ada lagi kelompok masyarakat yang tidak memahaminya, sekali gus merencatkan usaha kerajaan itu.


Perkembangan pada masa ini memperlihatkan ada jurang yang besar yang melibatkan pendapatan rakyat daripada kelompok isi rumah berpendapatan tinggi, iaitu 20 peratus daripada keseluruhan rakyat dengan kumpulan berpendapatan rendah yang merangkumi 40 peratus kumpulan rakyat. Sudah pasti jurang pendapatan yang ketara ini menimbulkan keresahan dan seterusnya menyebabkan kerajaan perlu segera menangani kos sara hidup sebagai satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Langkah untuk mencapai negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020

bukanlah usaha yang mudah dan perkara ini memerlukan tanggungjawab yang besar dan mencabar. Hal ini dikatakan demikian kerana sistem ekonomi terbuka yang diamalkan mengakibatkan Malaysia terdedah untuk menerima kesan krisis ekonomi global yang tinggi dan menjejaskan usaha negara untuk meningkatkan pendapatan rakyat. Oleh hal yang demikian, NKRA ini menyasarkan semua lapisan rakyat menikmati pendapatan tinggi dalam setiap entiti masyarakat, sekali gus dapat merealisasikan NKRA yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan kira-kira 40 peratus rakyat yang masih hidup dalam kemiskinan.

Berhubung dengan hal ini, transformasi yang dilakukan oleh kerajaan termasuk pemberian bantuan baucar pembelian buku dan mewujudkan kedai membeli barangan runcit dengan harga yang berpatutan perlu disambut dengan sikap matang masyarakat pengguna. Pengguna tidak seharusnya hanya menunggu pertolongan daripada pihak lain, sebaliknya mereka juga perlu mengorak langkah untuk sama-sama membuat perubahan dengan berbelanja secara terurus dan berhemat. Amalan gaya hidup yang sihat dengan pengurusan

Masih ada lagi dalam kalangan rakyat Malaysia yang tidak peka akan rancangan ekonomi yang digariskan oleh kerajaan.



Ch. no = 0000275407
ECO2017/A05

kewangan yang bijak harus menjadi taruhan pengguna pada masa ini. Sikap mudah dipengaruhi oleh aliran terkini perlu dihindari untuk mengelak daripada terlibat dengan pembelian yang tidak diperlukan.

Mungkin tidak banyak yang dapat dilakukan oleh pengguna untuk menangani isu kenaikan harga barang yang begitu ketara dan seterusnya mengekang inflasi. Walau bagaimanapun, sekiranya semua pengguna di Malaysia bersatu, kita dapat mengekang harga barang dan perkhidmatan daripada terus-menerus naik dan memperlahankan sedikit kesan inflasi. Antara pendekatan

yang dapat diambil oleh pengguna yang peka termasuklah langkah tidak membeli semasa harga tinggi, sebaliknya tunggu sehingga harga menjadi rendah. Keadaan ini tidak terpakai untuk barang keperluan, seperti beras, minyak dan gula. Sebaliknya dapat diaplikasikan untuk barangan berasaskan teknologi yang dapat dianggap sebagai pilihan jika berkemampuan.

Pengguna harus mengelakkan pembaziran, membeli apabila perlu dan mengikut rancangan perbelanjaan serta kemampuan. Pengurusan kewangan peribadi dan keluarga yang baik dan sistematik merupakan keperluan yang mulai mendapat tempat dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini memang langkah yang cukup wajar dan memberikan impak yang ketara jika diamalkan oleh pengguna yang bijak.

Apabila berbelanja, pengguna disarankan supaya mencari kedai yang menawarkan harga yang berpatutan serta yang meletakkan tanda harga. Manfaat yang diperolehi dengan melihat tanda harga sebelum membeli adalah untuk mengelakkan penipuan harga yang dilakukan oleh peniaga terhadap barang jualan, di samping itu pengguna juga dapat membandingkan harga antara dua atau lebih kedai. Hal ini sudah tentu dapat mewujudkan suasana menang-menang antara pengguna dengan peniaga.

Isi rumah sebagai pengguna yang dominan merupakan golongan yang paling terjejas dengan

keadaan ekonomi semasa. Pendapatan mereka yang sedikit dengan peningkatannya yang cukup perlahan memperlihatkan situasi kontra dengan kenaikan harga barangan yang terus-menerus meningkat. Inflasi ialah musuh wang yang paling besar dan paling utama. Inflasi tidak menjejaskan pengguna secara langsung, tetapi mengambil nilai wang.

Inflasi terpaksa dianggap sebagai perkembangan ekonomi biasa, selagi peratusan tahunan masih rendah. Walau bagaimanapun, krisis ekonomi akan wujud sekiranya peratusan itu meningkat kepada angka yang lebih tinggi. Dua kesan secara langsung yang dapat dirasakan oleh pengguna akibat daripada inflasi ialah kuasa beli wang mengecil atau merosot dan kos bayaran balik pinjaman meningkat kerana kadar faedah menjadi lebih tinggi. Sementara itu, mungkin ada kalangan rakyat yang sedar bahawa kos sara hidup bukanlah tentang kenaikan harga barangan tetapi juga tentang pengurusan pendapatan yang diperoleh setiap bulan. Dalam hal ini, kesedaran rakyat amat dituntut supaya lebih memahami situasi ekonomi dan setiap langkah yang diambil oleh kerajaan pastinya bertujuan untuk memastikan golongan berpendapatan sederhana dan rendah tidak terbeban.

Bagi membantu isi rumah menangani kenaikan kos sara hidup, terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah, kerajaan mengambil langkah yang relevan. Antaranya termasuklah menambahkan bilangan kedai yang menyediakan perkhidmatan dan barangan pada harga yang berpatutan, seperti Kedai Rakyat 1Malaysia, Kedai Kain 1Malaysia, Menu 1Malaysia dan Kedai Buku 1Malaysia. Kerajaan juga sudah menyediakan beberapa banyak Klinik 1Malaysia di seluruh negara sebagai kemudahan untuk rakyat Malaysia.

Ternyata kerajaan sentiasa berusaha untuk memenuhi tanggungjawabnya dengan menyediakan keperluan rakyat bagi menangani kemelut ekonomi yang melanda banyak negara kini. Terpujanglah kepada pengguna di negara ini sama ada mahu menerima apa-apa yang disediakan oleh kerajaan dengan tangan terbuka ataupun tidak. Sudah tentu pengguna yang peka dan bijak akan menyambut usaha kerajaan ini dengan tangan terbuka untuk mengurangkan beban kos sara hidup masing-masing. ●



Rancang Kewangan Hindari Kebankrapan

PENINGKATAN pendapatan isi rumah yang perlahan memberikan impak terhadap ekonomi negara apabila penggunaan isi rumah tidak dapat memberikan rangsangan kepada ekonomi ekoran kuasa beli yang mengecil. Perkembangan ini juga mendorong meningkatnya hutang isi rumah yang dicetuskan oleh peningkatan kenaikan kos sara hidup sehingga rakyat terpaksa menanggung beban hutang yang tinggi. Peningkatan hutang isi rumah yang berterusan turut menjadikan jumlah hutang terkumpul berlebihan, sekali gus menyebabkan risiko peningkatan faedah. Peningkatan kadar faedah pula mengakibatkan kenaikan kos hutang dan mengurangkan pendapatan boleh guna isi rumah.

Dalam hal ini, peningkatan pendapatan isi rumah yang perlahan dan tidak selari dengan kenaikan kos sara hidup yang mendadak menyebabkan masyarakat terpaksa menanggung beban hutang yang tinggi sehingga terjerat dengan hutang dalam jangka masa yang panjang. Berkaitan dengan hal ini, hutang pengguna dapat dikategorikan kepada dua jenis, iaitu hutang produktif dan hutang tidak produktif.

Hutang produktif ialah hutang yang memberikan faedah dan keuntungan serta kesejahteraan kepada individu itu, seperti pembelian rumah atau membuat pelaburan dalam akaun simpanan amanah demi mendapatkan pulangan yang baik pada masa depan. Sementara itu, hutang tidak produktif melibatkan sikap pengguna yang "tidak mengukur baju di badan sendiri" atau lebih tepat lagi, merupakan hutang untuk bermegah-megah dan membeli barangan mewah, yang tidak memberikan faedah, sebaliknya menimbulkan masalah sehingga membebankan individu terbabit.

Situasi inilah yang memberikan kesan langsung terhadap kadar hutang isi rumah kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara yang dicatatkan berada pada paras 89.1 peratus pada tahun 2015 berbanding dengan 87.4 peratus pada tahun 2014 yang

Peningkatan kadar faedah pula mengakibatkan kenaikan kos hutang dan mengurangkan pendapatan boleh guna isi rumah.



...ang
...enuntut
...mengamalkan
...n berhemat.

menjadikan paras hutang isi rumah negara antara yang tertinggi di Asia.

Hal ini menjadikan hutang isi rumah tempatan kekal pada paras yang tinggi, manakala simpanan isi rumah pula pada paras yang rendah. Antara faktor yang menyebabkan peningkatan terhadap hutang isi rumah termasuklah sikap teruja membeli barangan yang tidak perlu, desakan untuk memenuhi kemahuan berbelanja mewah, keinginan untuk memiliki kenderaan berjenama dan rumah, mengadakan majlis perkahwinan secara besar-besaran serta sikap bermegah-megah ketika berbelanja.

Pada Disember 2015, dilaporkan sebanyak 276 753 individu diisytiharkan bankrap membabitkan mereka yang berumur seawal 25 tahun hingga 44 tahun. Antara punca utama yang menyebabkan kes bankrap termasuklah gagal menjelaskan bayaran sewa beli kenderaan, pinjaman perumahan, pinjaman peribadi dan kad kredit. Malahan ada yang terpaksa berdepan dengan tindakan kebangkrutan dan muflis kerana beban hutang yang banyak. Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) juga pernah menyuarakan kebimbangan terhadap senario peningkatan paras hutang isi rumah ini.

Menurut Bank Negara Malaysia (BNM) komposisi hutang isi rumah untuk empat tahun berturut-turut (2011-2014) mengikut pengelasan peratusan menunjukkan bahawa pinjaman perumahan (47 peratus) merupakan kategori pinjaman yang paling tinggi diikuti dengan pinjaman kenderaan (20 peratus), peribadi (8.3 peratus) dan kad kredit (lima peratus). BNM memaklumkan bahawa hutang isi rumah adalah antara bidang yang sentiasa dipantau oleh bank pusat itu bagi memastikan mereka yang benar-benar layak dan mahu membuat pinjaman mampu mendapatkan akses pembiayaan berkenaan.

Keputusan BNM untuk mengurangkan kadar dasar semalaman (OPR) daripada 3.25 peratus kepada 3.00 peratus pada Julai tahun lalu amat tepat pada masanya bagi memastikan ekonomi

Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik. BNM mahu memastikan hutang isi rumah terus pulih, bahkan yang lebih penting adalah untuk menyaksikan aspek pekerjaan dan pendapatan terus berkembang. Jika hal ini berlaku, maka kesejahteraan dan kemakmuran rakyat juga mampu ditingkatkan.

Sehubungan dengan itu, kes pengguna bankrap yang semakin meningkat saban hari cukup membimbangkan, khususnya pengguna di bandar besar seperti di Lembah Klang. Pada tahun 2015, sebanyak 18 457 kes dilaporkan dengan 1770 kes disebabkan kegagalan membayar hutang kad kredit. Kategori paling tinggi, menurut Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, berkaitan dengan masalah pinjaman peribadi dan kenderaan, yakni punca kebanyakan kes bankrap di negara ini bagi tempoh 2011 hingga 2015.

Kadar muflis yang melibatkan golongan muda di Malaysia adalah lebih merisaukan kita. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Azaddin Ngah Tasir, berdasarkan rekod Jabatan Insolvensi Malaysia, sebanyak 97 215 kes kebangkrutan dicatatkan di negara ini sepanjang tempoh 2012 hingga September 2016. Beliau berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 22 581 kes atau 23 peratus membabitkan kategori dewasa muda, atau generasi Y yang berumur antara 25 tahun hingga 34 tahun diisytiharkan muflis, selain sebanyak 1157 kes membabitkan mereka yang berumur di bawah umur 25 tahun.

Antara sebab utama kebangkrutan adalah akibat kegagalan melunaskan pinjaman sewa beli kenderaan yang membabitkan 26 801 kes atau 27.6 peratus, disusuli pinjaman peribadi 22 153 kes atau 22.8 peratus dan pinjaman perumahan 18 819 kes atau 19.4 peratus. Mereka yang diisytiharkan muflis mengakui punca utama kegagalan bagi mengawal kewangan mereka disebabkan terutamanya oleh kurangnya pendidikan dan perancangan kewangan yang baik.

Sementara itu, rekod Jabatan Insolvensi Malaysia disokong oleh hasil kajian yang dijalankan oleh Asian Institute of Finance (AIF) dan AIF mendapati tahap pendidikan kewangan dalam kalangan remaja adalah rendah, hanya 28 peratus daripada mereka yakin untuk mengendalikan pengurusan kewangan, manakala 58 peratus

mengakui memiliki ilmu pendidikan kewangan sederhana. Bagi generasi Y di negara ini, 38 peratus daripada mereka mengambil pinjaman peribadi, manakala 47 peratus pula terbabat dengan kadar hutang kad kredit yang tinggi.

Selain itu, 70 peratus daripada mereka hanya membayar lima peratus jumlah minimum bulanan kad kredit dan 45 peratus pula gagal membayar hutang mengikut jadual pembayaran balik yang ditetapkan. Hal ini secara tidak langsung memberikan tekanan kewangan sehingga terjebak dengan pelbagai hutang.

AKPK yang berperanan sebagai agensi yang diberi mandat oleh BNM untuk mempertingkatkan tahap celik kewangan dalam kalangan rakyat negara ini, membawa wawasan "Amalkan pengurusan kewangan yang berhemat sebagai budaya hidup" berusaha mendidik masyarakat pengguna tentang perancangan kewangan diri.

AKPK memberikan khidmat nasihat dan kaunseling kewangan kepada lebih 492 ribu orang peminjam dan daripada jumlah itu lebih 164 ribu orang peminjam menyertai Program Pengurusan Kredit (PPK), iaitu program yang ditawarkan kepada peminjam yang tidak dapat mengawal bebanan hutang. Dari segi peringkat umur, 15 peratus adalah di bawah 30 tahun dan 39 peratus adalah antara 31 tahun hingga 40 tahun yang menyertai PPK. Hampir semua pelanggan yang bermasalah, tidak kira peringkat umur, bangsa, pekerjaan atau kerjaya mengakui bahawa mereka tidak mempunyai perancangan kewangan yang baik sejak peringkat awal.

Dalam pada itu, Persatuan Penyelesaian Pengguna dan Peminjam Malaysia (4PM), iaitu pertubuhan bukan kerajaan yang bergerak aktif menyelesaikan permasalahan kredit yakin dengan komitmen tinggi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said, yang mahu meningkatkan angka individu yang bebas muflis. Setakat September 2016, 48 406 orang daripada 286 768 orang yang diisytiharkan bankrap dilepaskan daripada "status" muflis.

Presiden 4PM, Roslan Mohd. Arif berkata, walau bagaimanapun, pihak bank dan institusi kewangan perlu menunjukkan pendekatan yang strategis dan berhemat dalam berurusan dengan peminjam yang dibelenggu muflis. Antaranya, 4PM menyarankan, lebih elok bank memberikan ruang



Peribahasa "ukur baju di badan sendiri" amat relevan untuk diamalkan dalam keadaan ekonomi negara yang tidak memberangsangkan pada masa ini.

kepada peminjam bagi pembiayaan perumahan yang bermasalah pembayarannya dengan tidak melelong rumah mereka dalam kegawatan ekonomi ini. Sudah tiba masanya bank berunding dengan peminjam, bukannya terus mengambil tindakan melelong atau membankrapkan mereka.

Sehubungan dengan itu, Azalina turut menarik perhatian mengenai kemungkinan diwujudkan agensi khas bagi menangani kes muflis melalui pindaan Akta Kebankrapan 1967. Menurut beliau, banyak negara sudah lama memendekkan tempoh kebangkrutan bagi individu muflis, misalnya Kanada telah menetapkan tempoh sembilan bulan, United Kingdom (12 bulan), Thailand dan Singapura (tiga tahun) dan Hong Kong (empat tahun).

Kaedah di negara berkenaan hampir sama dengan Malaysia, iaitu bank masih boleh membantah pelepasan, namun tempohnya pendek. Sekiranya pindaan ini dapat direalisasikan, individu yang telah diisytiharkan muflis mempunyai peluang untuk menikmati kehidupan yang lebih bermakna apabila bebas daripada kebangkrutan dalam tempoh yang lebih singkat. ●

**Sudah
tiba masanya bank
berunding dengan
peminjam, bukannya terus
mengambil tindakan
melelong atau
membankrapkan
mereka.**

**BNM mahu
memastikan hutang
isi rumah terus pulih,
bahkan yang lebih penting
adalah untuk menyaksikan
aspek pekerjaan dan
pendapatan terus
berkembang.**



Pasaran Buruh Lemah Punca Kos Sara Hidup Tinggi

eh
of. Emeritus
kariah
dul Rashid,
stitut Penyelidikan
onomi Malaysia
IER).

SEKIRANYA kita diajukan pertanyaan – Yang mana satukah yang lebih utama bagi kita, pasaran buruh yang mempunyai guna tenaga penuh atau kos sara hidup yang membolehkan kita dapat berbelanja dengan selesa? – saya rasa sebahagian besar akan memilih kos sara hidup yang selesa. Mengapakah kita perlu memilih sedemikian, tidakkah boleh kita dapat kedua-duanya sekali? Apabila kita terpaksa memilih sedemikian rupa, itulah petanda bahawa ada sesuatu yang tidak kena pada pasaran buruh. Saya selalu menyatakan, keadaan itu ialah cerminan bahawa kita sedang berhadapan dengan masalah dalam struktur ekonomi kita.

Kita sama sekali sudah tidak mempedulikan hakikat bahawa kita sedang berada dalam pasaran buruh guna tenaga penuh. Gambaran baik pasaran buruh sedemikian tidak mempunyai

apa-apa makna kepada kita. Dari manakah kita mendapat pengertian bahawa kadar pengangguran di bawah empat peratus (kadar pengangguran geseran), yakni kadar yang rendah yang sering kita banggakan pada jangka masa yang agak panjang, merupakan pasaran buruh guna tenaga penuh? Ya, mungkin daripada buku teks ekonomi. Namun begitu, apalah gunanya pada angka tersebut walaupun hal itu merupakan cerminan asas pasaran buruh yang baik, sedangkan kehidupan orang ramai terhimpit dengan kos sara hidup yang tinggi.

Kos sara hidup pada isi rumah ialah perimbangan antara nilai pendapatan dengan nilai perbelanjaan atas barangan dan perkhidmatan. Perlu difahami bahawa kedua-dua nilai pada pendapatan dan perbelanjaan ini mempunyai aspek pengukuran nominal dan aspek sebenar. Kos sara hidup kelihatan tinggi jika pendapatan

kurang daripada perbelanjaan dan seterusnya begitulah sebaliknya. Kefahaman ini sangat penting ditanggapi dengan baiknya agar dapat memandu kita mencari kaedah penyelesaian yang betul.

Kita menangani masalah kos sara hidup pada ketika ini, dengan memberikan wang tunai secara langsung dan mengawal harga barangan terpilih untuk meningkatkan kuasa beli melalui dua faktor. Yang pertama, meningkatkan pendapatan nominal, manakala yang kedua, meningkatkan pendapatan sebenar. Dalam sejarah Islam, terdapat bukti yang kukuh tentang keengganan Rasulullah SAW untuk mencampuri urusan pasaran bebas dengan menetapkan harga secara pentadbiran apabila diminta baginda berbuat demikian. Rasulullah SAW khuatir tindakan tersebut menyebabkan baginda, pada akhirnya, dipersalahkan kerana tidak berlaku adil (riwayat Abu Daud).


Apa-apa pun, kedua-dua kaedah ini sememangnya mengganggu perjalanan pasaran bebas yang dengannya telah mengherotkan agihan sumber dan seterusnya memberikan natijah negatif dalam jangka masa panjang. Secara ringkasnya, kedua-dua kaedah ini tidak menawarkan penyelesaian berkekal kepada masalah kos sara hidup melainkan meningkatkan kuasa beli penggunaan secara pinggiran sahaja.

Jika demikian, apakah bentuk penyelesaian yang tuntas bagi menangani masalah ini? Di sini, saya ingin mengemukakan penyelesaian dari perspektif pasaran buruh. Kita berada dalam pasaran guna tenaga penuh dalam masa yang agak lama. Angka kadar pengangguran yang rendah sedemikian, walau bagaimanapun tidak memberikan makna yang begitu penting.

Dalam suasana ekonomi yang cergas berkembang yang sedang kita nikmati, masalah yang kita hadapi adalah – bukan mencari pekerjaan, bahkan banyak antara kita yang melakukan lebih daripada satu pekerjaan – tetapi disebabkan oleh pendapatan isi rumah yang rendah ekoran kadar upah yang rendah. Pendapatan isi rumah kita bergantung kuat pada sumber upah dan gaji.

Mengapakah kadar upah tidak boleh dinaikkan? Persoalan ini agak rumit. Upah meningkat dengan kadar perlahan berbanding dengan yang berlaku pada harga barangan dan perkhidmatan. Upah juga ialah harga, yakni harga perkhidmatan buruh. Perbezaan ini amat dirasakan dalam sebuah negara yang sangat terdedah dengan perdagangan dunia. Syer buruh dalam keluaran negara, yakni apa-apa yang diperoleh buruh setelah terlibat dalam penjanaan nilai keluaran negara, menjadi kecil sedangkan syer yang besar diperoleh oleh pemilik modal. Isi rumah akan merasakan bahawa kos sara hidup mereka tinggi, walaupun pada hakikatnya yang berlaku adalah sebaliknya.

Dalam ekonomi yang sedang cergas berkembang, sesiapa yang ingin mencari pekerjaan akan menemukannya. Dalam ekonomi yang sangat terdedah kepada pengaruh global, segala kegiatan yang terjana daripada ekonomi dalam negeri akan dikongsi oleh pemilik sumber di dalam dan luar negara. Lebih tepat lagi, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang terjana oleh kegiatan domestik akan dikongsi oleh pemilik sumber nasional dan pemilik sumber asing, lantas akan menghasilkan nilai KDNK yang berbeza daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) dan bagi kita KDNK lebih besar daripada KNK.





abila kos sara hidup meningkat, kuasa beli rumah turut terjejas, kali gus menggangu kesejahteraan hidup rakyat.

Kegiatan ekonomi yang cergas dengan mod pengeluaran yang secara relatif berintensifkan buruh (berbanding dengan yang terdapat di luar negara) selalunya juga akan menggunakan banyak buruh kurang mahir. Persekitaran yang sangat kondusif untuk operasi pengeluaran sedemikian sememangnya boleh diwujudkan dengan menyediakan prasarana dan insentif yang sesuai. Dalam suasana pasaran buruh guna tenaga penuh, kita boleh mengimport buruh asing termasuk yang berdaftar atau yang tidak berdaftar.

Kebanyakan mereka terdiri daripada buruh kurang mahir, dan hal ini dibuat begitu agar kadar upah dapat direndahkan lantas kita kelihatan kompetitif secara binaan, sedangkan secara mutlaknyaa kadar produktiviti buruh tumbuh perlahan. Gaji tidak dapat dicergaskan kerana produktiviti tumbuh malap, reka bentuk galakan pelaburan yang baharu boleh diwujudkan untuk memulihkan kerancakan kegiatan. Pokoknya, KDNK mesti dicergaskan.

Akhirnya, untuk mengatasi secara berkekalaa masalah kos sara hidup kita perlu meningkatkan gaji, namun yang perlu ada bersamanya ialah produktiviti buruh yang cepat naik. Produktiviti yang tinggi pula memerlukan sesebuah ekonomi itu mempunyai sistem pengeluaran yang menggunakan teknik berintensifkan modal dan kemahiran yang tinggi.

Rasa-rasanya sukar sekali untuk disangkalaa bahawa struktur pasaran buruh yang mantap

antara lain perlu mempunyai tahap kemahiran tenaga buruhnya yang tinggi. Adakah kita tahu bagaimanakah caranya untuk kita dapat meningkatkan tahap kemahiran? Walaupun caranya bukanlah persoalan yang mudah dirungkai dan memakan masa yang lama untuk memperolehnya, perkara ini mesti diusahakan.

Sistem pendidikan menjadi pembekal kepada kemahiran. Sekolah, kolej vokasional, institut kemahiran, institusi latihan dan universiti mestilah bukan sahaja menawarkan berapa banyak tenaga buruh, bahkan menentukan bagaimana bentuk tenaga buruh mahir yang diperlukan oleh pasaran buruh. Selain itu, penyediaan buruh mahir mesti disokong juga oleh kegiatan institusi penyelidikan. Bayangkan perancangan dan masa yang diperlukan mestilah rapi, kohort demi kohort, untuk menghasilkan natijah yang diingini.

Kemahiran boleh meningkat juga dalam masa yang lebih pendek melalui latihan dalam perkhidmatan. Yang diperlukan ialah peluang yang disediakan, yakni operasi pengeluaran yang berupaya menyerap dan menyediakan latihan kemahiran "belajar dengan membuat" (*learning by doing*). Berlakunya hijrah cendekiawan (*brain drain*) yang berleluasa kerana peluang di dalam negeri terhad kerana operasi pengeluaran bernilai tambah yang rendah, sedangkan sistem pendidikan sudah pun menawarkan kemahiran yang diperlukan. Kewujudan guna tenaga tak penuh dan pengangguran tak ketara agak berleluasa.

Operasi pengeluaran hanya memerlukan tahap kemahiran yang rendah. Pelabur asing tidak memerlukan banyak buruh mahir untuk membuka operasi mereka, sedangkan kita memerlukan pelaburan langsung asing (FDI) mereka untuk mencergaskan pertumbuhan ekonomi. Kemasukan FDI dianggap sebagai petanda daya saing kita tinggi, sedangkan aliran masuk FDI tidak banyak membantu meningkatkan kemahiran, produktiviti, gaji dan pertumbuhan KDNK.

Sebaliknya, aliran FDI sedemikian menggalakkan kemasukan lebih banyak buruh asing kurang mahir, menekan gaji menjadi rendah dan produktiviti lambat berkembang. Inilah kemelut struktur yang diminta untuk ditangani segera. Tahap kemahiran dapat dibaiki, pertamanya, melalui sektor pendidikan dan keduanya, menerusi dasar kemasukan FDI terpilih.

Langkah meningkatkan kemahiran melalui kaedah yang kedua adalah lebih pragmatik.

Gaji menjadi penentu kos hidup dalam ekonomi yang terdedah kepada pengaruh global. Dalam konteks pasaran buruh, dasar seperti ini akan memperlihatkan pasaran buruh yang cergas dengan kadar pengangguran yang rendah. Operasi pengeluaran yang terlaksana akan bernilai rendah dengan penggunaan banyak buruh kurang mahir. Syer buruh dalam nilai tambah juga akan rendah, lantas gaji turut menjadi rendah. Dalam konteks isi rumah pula, sebagai pengguna, kos sara hidup menjadi tinggi berbanding dengan gaji serta harga barangan dan perkhidmatan yang terdapat dalam ekonomi tersebut.

Saiz pendapatan isi rumah akan menentukan kuasa belinya dari segi nilai nominal dan nilai sebenar. Nilai nominal pendapatan tidak dapat dinaikkan jika pekerja (operasi pengeluaran yang banyak terdapat dalam ekonomi domestik bernilai tambah yang rendah) adalah berkemahiran rendah. Kuasa beli pengguna, apabila harga umum kelihatan stabil dan kos sara hidup kelihatan menghimpit, akan sepenuhnya terletak pada pendapatan nominal. Walau bagaimanapun, jika inflasi turut sama berlaku, masalah kos sara hidup akan menjadi lebih parah.

Dari segi perbelanjaan pula, ekonomi yang sangat terdedah dengan pengaruh global akan menerima pengaruh yang kuat daripada perbelanjaan import. Ekonomi negara maju biasanya mempunyai struktur kos dan harga yang lebih tinggi. Perbelanjaan import barangan modal dan barangan perantaraan dari negara tersebut akan meresap ke dalam kos pengeluaran domestik.

Tambahan lagi, jika penggunaan swasta juga cenderung kepada barangan pengguna yang diimport, resapan harga domestik akan lebih kuat. Harga import akan berpindah dalam harga tempatan melalui kesan langsung dan kesan tak langsung yang terjadi antara sektor dalam ekonomi. Seterusnya jika struktur kos dan harga tinggi di dalam negara pengeksport, ekonomi yang sangat terdedah dengan pengaruh global ini akan berasa sangat tertekan.

Mengapakah struktur harga di negara maju lebih tinggi? Negara maju mengamalkan pelonggaran dalam perekonomiannya, maka mereka menikmati sistem agihan sumber keluaran

yang lebih cekap. Negara lain yang tidak berbuat demikian, yang mengamalkan subsidi yang kurang berhemat walaupun struktur harganya lebih rendah, tidak dapat menikmati kelebihan begitu apabila kesan negatif daripada ketidakoptimuman agihan sumber yang terdapat dalam ekonomi domestik. Dalam era globalisasi pada hari ini, khususnya bagi negara yang sangat terdedah kepada pengaruh globalisasi, negara yang tidak cekap akan menghadapi masalah. Sebagai akibatnya, ekonomi yang sangat terdedah dengan pengaruh global, pengaruh harga dan kos luar mudah meresapi harga dan kos domestik.

Dalam hal yang berkaitan dengan membela sara hidup, kita akhirnya perlu memahami hak yang sepatutnya diutamakan. Kita mesti memilih sama ada untuk mengutamakan penyediaan sebuah struktur

ekonomi, termasuk yang terdapat dalam pasaran buruh yang mantap ataupun pemberian wang secara langsung dan penguatkuasaan harga kawalan. Walaupun keduanya perlu seiring, pilihan keutamaan merupakan asas kepada pembuatan dasar yang bijak. Apatah lagi jika tindakan kurang bijak diambil kerana desakan tertentu dengan mengesampingkan langkah pembaharuan struktur.

Langkah pinggiraa kelihatan lunak dan hanya berkesan dalam jangka masa pendek, tetapi langkah pembaharuan struktur jika tidak dipedulikan (pada masa ini, dunia global sedang berlumba-lumba bergerak membaiki struktur masing-masing) kita yang akhirnya menerima padahnya.

Hal ini dikatakan demikian kerana kita perlu berdepan dengan suasana yang lebih getir, yakni kos sara hidup menjadi lebih parah pada masa akan datang, walaupun langkah pinggiraa sudah diambil kecuali jika kita sanggup membayar kos sosial dan politik yang sangat mahal untuk melaksanakan langkah pembaharuan struktur yang menjadi semakin rumit pada ketika itu. Adakah kita sebenarnya mempunyai pilihan dalam usaha menangani masalah kos sara hidup dalam dinamik perubahan global pada ketika ini? ●

Gaji menjadi penentu kos hidup dalam ekonomi yang terdedah kepada pengaruh global.